

BAHAGIAN III

PENYERAHAN, PENGESAHAN DAN PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN AGENSI NEGERI

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- Perenggan 5(1)(c) Akta Audit 1957, menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Agensi Negeri iaitu Badan Berkanun Negeri (BBN), Majlis Agama Islam (MAI) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Pengauditan Penyata Kewangan Agensi Negeri dilaksanakan untuk mengesahkan dan memastikan penyata kewangan bebas daripada kesalahan dan ketinggalan yang material serta memberi pendapat sama ada penyata itu menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama berpandukan akta dan piawaian yang diluluskan.

Apa yang ditemui Audit?

- Sehingga 31 Ogos 2022, sebanyak 14 agensi iaitu sembilan daripada 11 BBN dan empat PBT serta MAI telah mengemukakan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 untuk diaudit. Sebanyak 12 daripada 14 agensi tersebut telah mengemukakan penyata kewangan dalam tempoh yang ditetapkan oleh Pegawai Kewangan Negeri Melaka. Dua agensi lain iaitu Yayasan Melaka dan Perbadanan Teknologi Hijau Melaka telah mengemukakan penyata kewangan selepas tempoh yang ditetapkan. Selain itu, dua agensi iaitu Perbadanan Stadium Melaka dan Majlis Sukan Negeri Melaka masih belum mengemukakan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021.
- Bagi penyata kewangan tahun 2021, empat penyata kewangan BBN dan tiga penyata kewangan PBT telah disahkan setakat 31 Ogos 2022. Satu penyata kewangan BBN dan dua penyata kewangan PBT telah diberikan Pendapat Tanpa Teguran manakala tiga penyata kewangan BBN dan satu penyata kewangan PBT telah diberikan Pendapat Berteguran. Selain itu, sembilan penyata kewangan agensi negeri yang lain masih dalam proses pengauditan.

**Apa yang
disyorkan
Audit?**

- Agensi hendaklah memastikan penyata kewangan dikemukakan dengan lengkap dan *auditable* mengikut tempoh ditetapkan. Penyata kewangan yang lengkap perlu mengandungi penyata yang ditandatangani oleh Pengerusi dan seorang Ahli Lembaga Pengarah (Akaun Induk dan Akaun Kumpulan) serta pengakuan oleh pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan dokumen sokongan; dan
- Agensi hendaklah memastikan penyediaan penyata kewangan selaras dengan piawaian perakaunan yang berkuat kuasa.

BAHAGIAN III

PENYERAHAN, PENGESAHAN DAN PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN AGENSI NEGERI

FAKTA UTAMA

AGENSI NEGERI TAHUN 2021	Bilangan Agensi Negeri	16 Akaun Agensi
	11 Badan Berkanun Negeri	3 Pendapat Tanpa Teguran
	4 Pihak Berkuasa Tempatan	4 Pendapat Berteguran
	1 Majlis Agama Islam	9 Belum Disahkan

1. PENDAHULUAN

Mengikut Akta Audit 1957, Ketua Audit Negara mempunyai kuasa untuk mengaudit penyata kewangan agensi negeri iaitu Badan Berkanun Negeri (BBN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Majlis Agama Islam (MAI). Objektif pengauditan adalah untuk memberikan pendapat terhadap penyata kewangan agensi negeri sama ada penyata ini menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

2. PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN

2.1. Pada tahun 2022, Jabatan Audit Negara dikehendaki menjalankan pengauditan terhadap 16 penyata kewangan agensi bagi tahun 2021 untuk 11 BBN, empat PBT dan satu MAI. BBN ditubuhkan mengikut Akta Tubuh Badan Berkanun Negeri, PBT pula ditubuhkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) manakala MAI ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002.

2.2. Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan terus terhadap penyata kewangan bagi tiga BBN dan satu MAI manakala baki 12 penyata kewangan agensi lagi dilaksanakan oleh Firma Audit Swasta (FAS) yang dilantik. Pelantikan FAS ini adalah selaras dengan peruntukan di bawah Subseksyen 7(3), Akta Audit 1957 yang memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk melantik pihak yang berkebolehan untuk menjalankan pengauditan bagi pihak beliau.

2.3. Pengauditan penyata kewangan tahun 2021 adalah berpandukan Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan Asas Akruan berdasarkan The International Standards

of Supreme Audit Institutions (ISSAI) bagi memastikan pengauditan adalah berkualiti serta mematuhi piawaian perakaunan dan pengauditan yang diluluskan. Antara perkara yang ditetapkan dalam garis panduan tersebut ialah penyediaan Memorandum Perancangan Audit, penilaian risiko dan bukti audit, komunikasi dengan pihak pengurusan dan tadbir urus, pensampelan dan pelaporan.

3. KEDUDUKAN PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN

3.1. Sehingga 31 Ogos 2022, sebanyak 14 agensi iaitu sembilan BBN dan empat PBT serta MAI telah mengemukakan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 untuk diaudit. Sebanyak 12 daripada 14 agensi telah mengemukakan penyata kewangan dalam tempoh yang ditetapkan oleh Pegawai Kewangan Negeri Melaka. Dua agensi lain, iaitu Yayasan Melaka dan Perbadanan Teknologi Hijau Melaka telah mengemukakan penyata kewangan selepas tempoh yang ditetapkan. Penyerahan laporan penyata kewangan ke Jabatan Audit Negara adalah berdasarkan tarikh atau tempoh yang ditetapkan oleh Enakmen Badan Berkanun masing-masing dan Akta 171 bagi PBT. Bagi Enakmen yang tidak menetapkan atau menyatakan secara jelas berhubung perkara ini, tarikh akhir penghantaran penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 adalah pada 30 April 2022.

3.2. Selain itu, **dua agensi iaitu Perbadanan Stadium Melaka dan Majlis Sukan Negeri Melaka masih belum mengemukakan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021.** Kedudukan penyerahan penyata kewangan tahun 2021 adalah seperti dalam **Jadual 1.**

JADUAL 1
KEDUDUKAN PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN AGENSI
NEGERI SEHINGGA 31 OGOS 2022

BIL.	AGENSI NEGERI	TARIKH TERIMA
BADAN BERKANUN NEGERI		
1.	Perbadanan Bioteknologi Melaka	21.04.2022
2.	Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka	25.04.2022
3.	Perbadanan Pembangunan Sungai dan Pantai Melaka	28.04.2022
4.	Lembaga Perumahan Melaka	29.04.2022
5.	Perbadanan Muzium Melaka	29.04.2022
6.	Perbadanan Perpustakaan Awam Melaka	29.04.2022
7.	Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka	29.04.2022
8.	Yayasan Melaka	19.05.2022
9.	Perbadanan Teknologi Hijau Melaka	15.07.2022
10.	Perbadanan Stadium Melaka	Belum Terima

BIL.	AGENSI NEGERI	TARIKH TERIMA
BADAN BERKANUN NEGERI		
11.	Majlis Sukan Negeri Melaka	Belum Terima
PIHAK BERKUASA TEMPATAN		
1.	Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah	27.04.2022
2.	Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya	29.04.2022
3.	Majlis Perbandaran Alor Gajah	29.04.2022
4.	Majlis Perbandaran Jasin	29.04.2022
MAJLIS AGAMA ISLAM		
1.	Majlis Agama Islam Melaka	29.04.2022

Sumber: Jabatan Audit Negara

3.3. Ketua Audit Negara telah mengeluarkan arahan melalui surat bertarikh 11 Julai 2018 yang menetapkan supaya semua penyata kewangan yang dikemukakan oleh agensi mulai tahun 2019 mestilah lengkap dan *auditable*. Penyata kewangan yang lengkap perlu mengandungi penyata yang ditandatangani oleh Pengerusi dan seorang Ahli Lembaga Pengarah (Akaun Induk dan Akaun Kumpulan), perakuan oleh Pegawai Utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan dokumen sokongan. Kegagalan agensi untuk mengemukakan penyata kewangan yang lengkap dan *auditable* akan menyebabkan Sijil Ketua Audit Negara tidak dapat dikeluarkan terhadap penyata kewangan berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan.

4. PEMAKAIAN PIAWAIAN PERAKAUNAN

4.1. Lembaga Piawain Perakaunan Malaysia atau Malaysian Accounting Standards Board (MASB) merupakan badan yang bertanggungjawab menerbitkan piawain perakaunan untuk diguna pakai oleh syarikat bermotifkan keuntungan dan Badan Berkanun Persekutuan seperti yang digariskan di bawah Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PA 3.1. Piawain perakaunan yang diluluskan oleh MASB untuk diterima pakai di Malaysia ialah Financial Reporting Standards (FRS)/Malaysian Financial Reporting Standards (MFRS) dan Malaysian Private Entities Reporting Standard (MPERS). Pemakaian MFRS adalah tertakluk kepada undang-undang seliaan Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti atau Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

4.2. Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) pula telah mengeluarkan Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS) melalui proses tadbir urus seperti yang dinyatakan dalam Ministerial Functions Act 1969 di mana salah satu fungsi JANM adalah menentukan polisi, sistem dan kawalan perakaunan awam selaras dengan Akta Tatacara

Kewangan 1957. Status pemakaian piawaian perakaunan penyata kewangan oleh agensi negeri adalah seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
PEMAKAIAN PIAWAIAN PERAKAUNAN OLEH AGENSI NEGERI

BIL.	PIAWAIAN PERAKAUNAN	BILANGAN AGENSI
1.	Malaysian Private Entities Reporting Standard (MPERS)	10
2.	Malaysian Financial Reporting Standards (MFRS)	-
3.	Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS)	6
JUMLAH		16

Sumber: Penyata Kewangan Agensi

5. SIJIL KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN

Sijil Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan telah disediakan berdasarkan keperluan ISSAI. ISSAI menetapkan sebanyak dua jenis pendapat audit iaitu Pendapat Tanpa Teguran dan Pendapat Diubahsuai.

5.1. Pendapat Tanpa Teguran

Pendapat Tanpa Teguran menunjukkan juruaudit berupaya memberikan pendapat yang benar dan saksama terhadap penyata selaras dengan piawaian perakaunan yang diluluskan. Ini termasuklah juruaudit mempertimbangkan perkara seperti berikut:

5.1.1. Perenggan Penegasan Perkara [Emphasis of Matter (EOM)]

Perenggan yang dimasukkan ke dalam Sijil Audit yang merujuk kepada perkara yang sesuai dikemukakan atau dinyatakan dalam penyata kewangan, atas pertimbangan juruaudit mentafsirkan ia amat penting dan asas kepada pemahaman pengguna penyata kewangan.

5.1.2. Perenggan Hal-hal Lain [Other Matters (OM)]

Perenggan yang dimasukkan ke dalam Sijil Audit yang merujuk kepada perkara selain daripada yang dikemukakan atau dinyatakan dalam penyata kewangan pada pertimbangan juruaudit, berkaitan dengan pemahaman pengguna mengenai audit, tanggungjawab juruaudit atau Sijil Audit.

5.1.3. Perenggan Perkara Utama Audit [Key Audit Matters (KAM)]

Perenggan Perkara Utama Audit (KAM) merupakan perenggan yang meliputi isu material yang diaudit dan telah dimaklumkan kepada pihak yang bertanggungjawab terhadap tadbir urus. KAM menunjukkan ketelusan dalam pengauditan yang telah dijalankan melalui Sijil Audit.

5.2. Pendapat Diubahsuai

Pendapat Diubahsuai (Modified Opinion) diberikan terhadap penyata kewangan yang mengandungi salah nyata yang ketara (material misstatement), tidak memperoleh bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian atau tidak memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara. Pendapat Berteguran, Pendapat Bertentangan atau Penafian Pendapat hendaklah digunakan mengikut kesesuaian seperti berikut:

5.2.1. Pendapat Berteguran

Pendapat yang dinyatakan oleh juruaudit apabila membuat kesimpulan bahawa salah nyata, secara individu/agregat adalah matan tetapi tidak menyeluruh kepada penyata kewangan. Pendapat ini dikeluarkan setelah mendapat bukti Audit yang mencukupi dan bersesuaian atau tiada bukti Audit yang mencukupi untuk dijadikan asas pendapat. Juruaudit membuat kesimpulan bahawa kemungkinan kesan daripada salah nyata ke atas penyata kewangan tidak dapat dikenal pasti, berkemungkinan boleh menjadi matan tetapi tidak pervasif.

5.2.2. Pendapat Bertentangan

Pendapat yang dinyatakan oleh juruaudit apabila membuat kesimpulan bahawa salah nyata, secara individu/agregat adalah matan dan pervasif kepada penyata kewangan setelah mendapat bukti Audit yang mencukupi dan bersesuaian.

5.2.3. Penafian Pendapat

Pendapat ini dinyatakan oleh juruaudit apabila kesan yang mungkin timbul daripada kekangan skop adalah matan dan pervasif di mana bukti Audit tidak mencukupi untuk memberi pendapat terhadap penyata kewangan. Juruaudit tidak dapat memberi pendapat sama ada penyata kewangan menunjukkan gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan. Selain itu, pendapat penafian turut diberi dalam situasi di mana walaupun juruaudit telah memperoleh bukti Audit yang

mencukupi mengenai setiap ketidaktentuan, tetapi tidak dapat memberi pendapat terhadap penyata kewangan disebabkan oleh potensi ketidaktentuan berinteraksi dan berkemungkinan kesan kumulatif terhadap penyata kewangan.

5.3. Sehingga 31 Ogos 2022, Jabatan Audit Negara telah mengesahkan tujuh daripada 16 penyata kewangan agensi negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 iaitu empat penyata kewangan BBN dan tiga penyata kewangan PBT. Bilangan penyata kewangan mengikut jenis pendapat Audit yang diberikan bagi tempoh tahun 2017 hingga 2021 adalah seperti dalam **Jadual 3**.

JADUAL 3
PENDAPAT AUDIT YANG DIBERIKAN TERHADAP
PENYATA KEWANGAN AGENSI NEGERI BAGI TEMPOH TAHUN 2017 HINGGA 2021

BIL.	JENIS PENDAPAT AUDIT	TAHUN KEWANGAN				
		2017	2018	2019	2020	2021
1.	Pendapat Tanpa Teguran	4	3	3	5	3
2.	Pendapat Tanpa Teguran (EOM)	5	3	1	7	0
3.	Pendapat Berteguran	7	10	11	4	4
4.	Pendapat Bertentangan	0	0	0	0	0
5.	Penafian Pendapat	0	0	1	0	0
JUMLAH		16	16	16	16	7*

Sumber: Sijil Ketua Audit Negara Tahun 2017 hingga 2021

Nota: (*) – Sebanyak 7 penyata kewangan agensi bagi tahun 2021 telah disijilkan setakat 31 Ogos 2022

5.4. Bagi tahun kewangan 2021, daripada tujuh penyata kewangan yang telah disahkan, satu penyata kewangan BBN dan dua penyata kewangan PBT telah diberikan Pendapat Tanpa Teguran. Selain itu, tiga penyata kewangan BBN dan satu penyata kewangan PBT telah diberikan Pendapat Berteguran. Butiran lanjut bagi agensi yang diberikan Pendapat Berteguran adalah seperti dalam **Jadual 4** dan status pengauditan penyata kewangan bagi 16 agensi bagi tahun 2021 adalah seperti dalam **Jadual 5**.

JADUAL 4
SIJIL KETUA AUDIT NEGARA YANG DIBERIKAN
PENDAPAT BERTEGURAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2021

BIL.	AGENSI NEGERI	ASAS PENDAPAT
PENDAPAT BERTEGURAN		
1.	Perbadanan Bioteknologi Melaka	<ul style="list-style-type: none"> Senarai dalam lain-lain pemiutang antaranya melibatkan sebuah firma guaman dengan baki berjumlah RM128,000. Firma ini dilantik untuk kes saman penamatan perjanjian dengan syarikat pembekal dan merekodkan belanja guaman berdasarkan sebut harga sejumlah RM160,000. Pada tahun semasa, sejumlah RM32,000 bayaran telah dijelaskan berdasarkan bil Profesional & Disbursement Charges. Perkara ini menyebabkan belanja guaman sejumlah RM128,000 telah terlebih nyata bagi tahun semasa dan keuntungan sebelum cukai telah berkurang nyata.

BIL.	AGENSI NEGERI	ASAS PENDAPAT
2.	Perbadanan Muzium Melaka	<ul style="list-style-type: none"> Perbelanjaan tahun semasa telah terlebih nyata berjumlah RM189,664 berikutan terdapat kesilapan pengiktirafan perolehan pendingin hawa berjumlah RM199,720 dan susut nilai tahun semasa berkurangan nyata berjumlah RM10,056.
3.	Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka	<ul style="list-style-type: none"> Termasuk dalam nilai Hartanah Pelaburan adalah hartanah IKS Duyong Fasa 2B dan IKS Ayer Panas Fasa 3 dengan nilai hartanah keseluruhan berjumlah RM7.37 juta. Nilai hartanah pelaburan IKS Duyong Fasa 2B dan IKS Ayer Panas Fasa 3 ini tidak diiktiraf mengikut perubahan nilai semasa hartanah sejumlah RM9.30 juta. Perkara ini menyebabkan sejumlah RM1.93 juta telah berkurangan nyata bagi Hartanah Pelaburan dan Lain-lain Pendapatan bagi tahun semasa.
4.	Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah	<ul style="list-style-type: none"> Termasuk dalam nilai Kumpulan Wang Majlis adalah pelarasan bagi pengurangan bayaran sewaan tempat letak kenderaan tahun 2020 sejumlah RM2.26 juta. Berdasarkan MPSAS 9 Perenggan 38 sebarang pelarasan kepada hasil tahun sebelum hendaklah diiktiraf di dalam Penyata Prestasi Kewangan sebagai belanja. Perkara ini menyebabkan belanja tahun semasa berkurangan nyata sejumlah RM2.26 juta.

Sumber: Jabatan Audit Negara

JADUAL 5
STATUS PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN
AGENSI NEGERI BAGI TAHUN KEWANGAN 2021

BIL.	AGENSI NEGERI	STATUS PENGAUDITAN
BADAN BERKANUN NEGERI		
1.	Perbadanan Bioteknologi Melaka	Sijil Audit Berteguran telah dikeluarkan.
2.	Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka	Pengauditan telah selesai dilaksanakan oleh Firma Audit Swasta dan semakan kertas kerja telah dilaksanakan.
3.	Perbadanan Pembangunan Sungai dan Pantai Melaka	Pengauditan telah selesai dilaksanakan oleh Firma Audit Swasta dan semakan kertas kerja telah dilaksanakan.
4.	Lembaga Perumahan Melaka	Pengauditan telah selesai dilaksanakan oleh Jabatan Audit Negara, Negeri Melaka.
5.	Perbadanan Muzium Melaka	Sijil Audit Berteguran telah dikeluarkan.
6.	Perbadanan Perpustakaan Awam Melaka	Sijil Audit Tanpa Teguran telah dikeluarkan.
7.	Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka	Sijil Audit Berteguran telah dikeluarkan.
8.	Yayasan Melaka	Pengauditan telah selesai dilaksanakan oleh Firma Audit Swasta dan semakan kertas kerja telah dilaksanakan.
9.	Perbadanan Teknologi Hijau Melaka	Pengauditan telah selesai dilaksanakan oleh Firma Audit Swasta dan semakan kertas kerja telah dilaksanakan.
10.	Perbadanan Stadium Melaka	Penyata kewangan belum diterima.
11.	Majlis Sukan Negeri Melaka	Penyata kewangan belum diterima.
PIHAK BERKUASA TEMPATAN		
1.	Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah	Sijil Audit Berteguran telah dikeluarkan.
2.	Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya	Sijil Audit Tanpa Teguran telah dikeluarkan.
3.	Majlis Perbandaran Alor Gajah	Pengauditan telah selesai dilaksanakan oleh Firma Audit Swasta dan semakan kertas kerja telah dilaksanakan.
4.	Majlis Perbandaran Jasin	Sijil Audit Tanpa Teguran telah dikeluarkan.
MAJLIS AGAMA ISLAM		
1.	Majlis Agama Islam Melaka	Pengauditan telah selesai dilaksanakan oleh Jabatan Audit Negara, Negeri Melaka.

Sumber: Jabatan Audit Negara

5.5. Sijil Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Agensi Negeri Bagi Tahun 2020

5.5.1. Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2020 mengenai Pengesahan Penyata Kewangan dan Pengauditan Pematuhan Agensi Negeri Tahun 2020 yang dibentangkan di Dewan Rakyat pada 2 Disember 2021 hanya melaporkan dua penyata kewangan BBN dan tidak melaporkan 14 penyata kewangan agensi negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2020. Hal ini kerana laporan tersebut hanya melaporkan penyata kewangan yang telah dikeluarkan Sijil Ketua Audit Negara sehingga 31 Ogos 2021.

5.5.2. Sehingga 31 Ogos 2022, kesemua penyata kewangan tahun 2020 tersebut telah disahkan. Jenis Sijil Ketua Audit Negara yang telah dikeluarkan terdiri daripada lima Pendapat Tanpa Teguran, tujuh Pendapat Tanpa Teguran (EOM) dan empat Pendapat Berteguran. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 6**.

JADUAL 6
SIJIL KETUA AUDIT NEGARA TERHADAP
PENYATA KEWANGAN AGENSI NEGERI TAHUN 2020

BIL.	AGENSI NEGERI	TARIKH SIJIL DITANDATANGANI
PENDAPAT TANPA TEGURAN		
1.	Perbadanan Muzium Melaka	28.07.2021
2.	Majlis Perbandaran Alor Gajah	21.10.2021
3.	Majlis Agama Islam Melaka	22.10.2021
4.	Perbadanan Teknologi Hijau Melaka	27.10.2021
5.	Majlis Perbandaran Jasin	29.10.2021
PENDAPAT TANPA TEGURAN (EOM)		
1.	Perbadanan Bioteknologi Melaka	17.08.2021
2.	Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka	09.09.2021
3.	Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah	13.10.2021
4.	Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka	14.10.2021
5.	Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya	20.10.2021
6.	Yayasan Melaka	26.10.2021
7.	Perbadanan Stadium Melaka	28.10.2021
PENDAPAT BERTEGURAN		
1.	Lembaga Perumahan Melaka	09.09.2021
2.	Perbadanan Perpustakaan Awam Melaka	28.09.2021
3.	Perbadanan Pembangunan Sungai dan Pantai Melaka	15.10.2021
4.	Majlis Sukan Negeri Melaka	14.03.2022

Sumber: Sijil Ketua Audit Negara Tahun 2020

5.5.3. Butiran lanjut mengenai asas pendapat Sijil Ketua Audit Negara Tahun 2020 yang diberikan Pendapat Tanpa Teguran (EOM) dan Pendapat Berteguran yang belum dibentangkan di Dewan Rakyat adalah seperti dalam **Jadual 7**.

JADUAL 7
SIJIL KETUA AUDIT NEGARA YANG DIBERIKAN PENDAPAT TANPA
TEGURAN (EOM) DAN PENDAPAT BERTEGURAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2020

BIL.	AGENSI NEGERTI	ASAS PENDAPAT
PENDAPAT TANPA TEGURAN (EOM)		
1.	Perbadanan Bioteknologi Melaka	<ul style="list-style-type: none"> Aset dan liabiliti syarikat subsidiari iaitu Melaka Biotech Holdings Sdn. Bhd. berjumlah RM0.68 juta telah dipindah masuk ke akaun Perbadanan Bioteknologi Melaka setelah mesyuarat Lembaga Pengarah memutuskan penutupan operasi syarikat tersebut pada tahun 2019. Bagaimanapun, mesyuarat Lembaga Pengarah pada tahun 2021 telah memutuskan penangguhan penutupan syarikat, dan aset serta liabiliti berjumlah RM0.64 juta telah dikeluarkan dari akaun Perbadanan Bioteknologi Melaka. Pelarasan akan dibuat dalam penyata kewangan Perbadanan Bioteknologi Melaka bagi tahun berakhir 31 Disember 2021.
2.	Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka	<ul style="list-style-type: none"> Pelupusan aset berjumlah RM66,431 dilakukan tanpa kebenaran Lembaga Pengarah.
3.	Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah	<ul style="list-style-type: none"> Termasuk dalam baki Bayaran Kemajuan pada 31 Disember 2020 berjumlah RM37.65 juta adalah merupakan bayaran kemajuan bagi projek pembangunan pejabat baru Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah berjumlah RM30.65 juta. Projek tersebut telah dihentikan kerja-kerja pembinaan dalam tahun kewangan 2018. Pada 1 April 2020, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Melaka telah bersetuju untuk meneruskan semula projek pembinaan pejabat baru tersebut. Keputusan mesyuarat menghendaki Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah untuk menyediakan satu kertas pertimbangan yang lengkap dengan mengambil kira implikasi kewangan dan undang-undang bagi meneruskan projek tersebut. Bagaimanapun, kertas pertimbangan tersebut masih belum disiapkan sehingga tarikh penyata kewangan ditandatangani. Perkara ini menyebabkan kemungkinan kesan kewangan, perundangan dan pelarasan yang perlu dibuat terhadap penyata kewangan tidak dapat dikenal pasti.
4.	Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka	<ul style="list-style-type: none"> Merekodkan perbelanjaan pembangunan sejumlah RM181.24 juta dalam tahun kewangan semasa. Perbelanjaan pembangunan ini termasuk kos hasil terdahulu bagi Kawasan Elkay Lipat Kajang yang sepatutnya diiktiraf pada tahun terdahulu mengikut keluasan kawasan yang telah dijual.
5.	Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya	<ul style="list-style-type: none"> Senarai harta tetap meliputi hartanah, loji dan peralatan tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini yang boleh menyebabkan nilai aset terlebih atau terkurang nyata dalam penyata kewangan. Pembatasan bagi melaksanakan pemeriksaan fizikal terhadap harta tetap berikutan Perintah Kawalan Pergerakan pandemik Covid-19.
6.	Yayasan Melaka	<ul style="list-style-type: none"> Kesilapan merekod pembalikan susut nilai Harta Pelaburan pada kos sebagai Pendapatan Lain dalam Penyata Pendapatan Komprehensif berjumlah RM2.71 juta. Ini berlaku disebabkan pengkelasan semula Tanah Untuk Pembangunan daripada Harta Pelaburan yang diiktiraf pada nilai kos bukan pada nilai aset bersih. Keadaan ini boleh memberi kesan kepada keputusan operasi Yayasan Melaka kerana keuntungan tahun semasa telah terlebih nyata.
7.	Perbadanan Stadium Melaka	<ul style="list-style-type: none"> Tidak menyatakan secara jelas pada Nota 1 berkenaan keputusan pembubaran Enakmen Perbadanan Stadium Melaka 2004 serta pewartaan pembubaran tersebut tertakluk kepada penyelesaian hutang-hutang Perbadanan Stadium Melaka. Selain itu, pendedahan berkenaan kutipan hasil yang diiktiraf tidak dibuat setakat 31 Julai 2020 setelah pengurusan bangunan diserahkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan yang terlibat.

BIL.	AGENSI NEGERI	ASAS PENDAPAT
PENDAPAT BERTEGURAN		
1.	Lembaga Perumahan Melaka	<ul style="list-style-type: none"> Telah merekod amaun bawaan bagi dua lot tanah berjumlah RM2.61 juta pada kos awal semasa pengiktirafan, amaun bawaan tersebut tidak direkodkan pada amaun dinilai semula seperti yang ditetapkan dalam dasar perakaunan bagi pengukuran selepas pengiktirafan. Amaun bawaan berbeza secara material daripada amaun yang ditentukan menggunakan nilai saksama pada tarikh pelaporan. Telah merekod hasil faedah atas simpanan tetap berjumlah RM3.91 juta berdasarkan asas perakaunan tunai bertentangan dengan asas penyediaan penyata kewangan menurut piawaian MPERS. Amaun faedah atas simpanan tetap yang sebenar pada tahun kewangan semasa adalah berjumlah RM3.12 juta. Tidak mendedahkan kesan aliran keluar tunai yang dijangka berlaku hasil daripada pendaftaran dan pengisytiharan pendapatan boleh cukai kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri melibatkan tahun-tahun kewangan sebelum iaitu mulai tahun kewangan 2011.
2.	Perbadanan Perpustakaan Awam Melaka	<ul style="list-style-type: none"> Telah merekod pembelian aset baharu pada tarikh baucar pembayaran yang seharusnya direkodkan pada tarikh penerimaan aset tersebut. Hal ini menyebabkan isu <i>cut-off</i> melibatkan aset yang seharusnya direkodkan pada tahun sebelumnya telah direkodkan pada tahun semasa. Pembelian aset telah terlebih nyata pada tahun kewangan semasa sejumlah RM155,486. Telah mewujudkan akaun kawalan bagi cek yang belum ditunaikan. Bagaimanapun, cek ini telah diserahkan kepada pembekal pada tahun 2020. Ini menyebabkan baki akhir bank pada tahun kewangan semasa terlebih nyata sejumlah RM287,819.
3.	Perbadanan Pembangunan Sungai dan Pantai Melaka	<ul style="list-style-type: none"> Tidak mengisytiharkan pendapatan boleh cukai kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri menyebabkan perbelanjaan cukai yang material tidak diakaunkan dalam penyata kewangan.
4.	Majlis Sukan Negeri Melaka	<ul style="list-style-type: none"> Telah terkurang lapor sumbangan Kerajaan Negeri berjumlah RM371,106 sebagai pendapatan pada tahun semasa. Ini tidak bertepatan dengan MPERS 23 yang menyatakan pengiktirafan pendapatan hanya boleh dibuat apabila pendapatan boleh diukur dengan munasabah dan manfaat ekonomi mungkin akan mengalir kepada entiti. Penyata kewangan telah lewat diterima iaitu pada 5 Januari 2022. Selain itu, senarai/daftar aset berserta dokumen sokongan didapati tidak lengkap dan tidak kemas kini.

Sumber: Sijil Ketua Audit Negara Tahun 2020

6. PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN

Akta Badan Berkanun 1980 dan Enakmen penubuhan BBN telah menetapkan bahawa penyata kewangan agensi yang telah diaudit berserta pendapat Ketua Audit Negara hendaklah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri (DUN). Mengikut Akta 171, satu salinan penyata kewangan PBT dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri dan seterusnya dibentangkan di DUN. Kesemua penyata kewangan tahun 2020 telah disahkan oleh Ketua Audit Negara. Sehingga 31 Ogos 2022, **dua penyata kewangan tahun 2020 iaitu Penyata Kewangan Perbadanan Bioteknologi Melaka dan Penyata Kewangan Perbadanan Muzium Melaka telah dibentangkan di DUN pada 27 Disember 2021**. Pembentangan dilaksanakan di Persidangan Pertama

(Khas) Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri Melaka Kelima Belas Tahun 2021. Sebanyak 13 penyata kewangan agensi belum dibentangkan manakala Penyata Kewangan Majlis Sukan Negeri Melaka tidak perlu dibentangkan.

7. RUMUSAN AUDIT

Secara keseluruhannya, setakat 31 Ogos 2022 sebanyak tujuh penyata kewangan agensi negeri telah disahkan iaitu empat BBN dan tiga PBT. Tiga penyata kewangan agensi telah diberi Pendapat Tanpa Teguran dan empat penyata kewangan agensi diberi Pendapat Berteguran. Sembilan penyata kewangan agensi negeri yang lain masih dalam proses pengauditan. Dua agensi masih belum mengemukakan penyata kewangan untuk diaudit iaitu Perbadanan Stadium Melaka dan Majlis Sukan Negeri Melaka.

8. SYOR AUDIT

Kerjasama semua peringkat di agensi negeri termasuk pemantauan yang efektif di peringkat Perbendaharaan Negeri akan memastikan penyediaan penyata kewangan memenuhi piawaian perakaunan. Sehubungan itu, pihak Audit mengesyorkan perkara berikut:

8.1. agensi memastikan penyata kewangan dikemukakan dengan lengkap dan *auditable* mengikut tempoh ditetapkan. Penyata kewangan yang lengkap perlu mengandungi penyata yang ditandatangani oleh Pengerusi dan seorang Ahli Lembaga Pengarah (Akaun Induk dan Akaun Kumpulan) serta pengakuan oleh pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan dokumen sokongan; dan

8.2. agensi memastikan penyediaan penyata kewangan selaras dengan piawaian perakaunan yang berkuat kuasa.